

21 AUG 1997

BARANGAN "LUMPY" TINGGALKAN KESAN PADA IMBANGAN BAYARAN NEGARA

Fokus berita

Oleh: Salbiah Said

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Kren dan kelengkapan binaan yang lain, simbol yang mengukur pertumbuhan pesat ekonomi sesebuah negara, terutamanya dalam sektor pembinaan, meninggalkan kesan ketara pada imbalan bayaran Malaysia. Barangan seumpama itu yang ada di mana-mana sedikit sebanyak memberi isyarat kepada "pembeli yang boros" supaya menghentikan tabiat mengimport barangan tersebut.

Sementara pengimportan barangan "lumpy" ini menggambarkan kegiatan cergas dalam sektor pembinaan, tetapi terlalu banyak mesin buatan asing menjadi kebimbangan pula bagi pihak berkuasa.

Menurut Jabatan Perangkaan, barangan lumpy dikategorikan di bawah jentera dan lekengkapan pengangkutan seperti kapal, bot dan struktur terapung dan pesawat dan kelengkapan berkaitan dan alat ganti.

Dengan kemungkinan defisit imbalan bayaran akan berlaku lagi, para penganalisis berkata lebih pengimportan jentera berat mungkin perlu disemak semula memandangkan belanjawan 1998 akan datang mungkin mengenakan cukai yang lebih tinggi ke atas import barangan tersebut.

Di bawah kepesatan ekonomi negara ini yang berlanjutan, para kontraktor gemar mengimport barangan seumpama itu, terutamanya yang baru, tanpa mengkaji secara serius isu mengguna barangan yang terpakai tetapi masih boleh digunakan yang ada di negara ini.

Dalam keadaan mewah, tiada siapa yang mengambil pusing tentang hal ini, kata seorang daripada penganalisis yang ditemubual.

Bagi tahun ini, duti import sebanyak lima dan 20 peratus dikenakan ke atas jentera berat seperti jentolak dan jentera pengorek. Tahun lepas kerajaan mengenakan 20 peratus duti import ke atas jentera seumpama tersebut.

Penganalisis berkata tindakan seperti itu bererti mengingatkan industri terbabit supaya menggunakan sumber-sumber yang ada di negara ini dan menghindarkan diri daripada mengimport barangan yang menjadi semakin mahal melalui kenaikan cukai.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini sekali lagi mengingatkan para peniaga bahawa Belanjawan 1998 akan datang mungkin menyaksikan pengimportan jentera berat seperti kren, jentolak dan jentera pengorek dikurangkan kerana ia menyumbang dengan begitu ketara ke atas defisit imbalan bayaran.

"Buat masa ini kita mahukan para peniaga menghentikan pengimportan jentera seumpama itu secara suka rela tetapi jika mereka tidak berbuat demikian, maka terpaksa dikenakan sekatan ke atas import," katanya di Kuching pada Selasa lalu.

"Di Kuching sahaja, terdapat jentera tersebut di merata-rata dan barangan itu masih lagi diimport, dan jika diteruskan tabiat buruk ini, masalah defisit tidak akan selesai," kata Dr Mahathir.

Malah itu bukannya kali pertama Dr Mahathir menyuarakan kebimbangannya tentang import seperti itu. Beliau juga membuat peringatan yang sama tahun lepas dan berikutnya, Belanjawan 1977 mengenakan lebih banyak duti ke atas barangan tersebut.

Minggu lalu, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Belanjawan 1998 yang akan dibentangkan pada 17 Oktober ini akan meneliti langkah-langkah untuk membendung import Malaysia dan menumpukan pula pada memperluaskan eksport.

Beliau telah berkata kerajaan akan mengambil kira sebarang langkah

kewangan termasuk menggunakan percukaian untuk meningkatkan eksport dan mengurangkan import.

Timbalannya, Datuk Dr Affifuddin Omar, juga mengebut tentang kemungkinan menyenaraihitamkan kontraktor yang sering menggunakan bahan binaan yang dimport walaupun bahan buatan tempatan sudah ada.

Menurut angka-angka dari Jabatan Perangkaan, defisit dagangan luar Malaysia berjumlah RM617.974 juta pada 1996, dengan eksport bernilai RM196.691 bilion dan import sebanyak RM197.309 bilion.

Tahun lepas, penyumbang terbesar kepada peningkatan import adalah jentera dan kelengkapan pengangkutan dan kumpulan ini adalah juga komponen import yang terbesar, merangkumi 60 peratus atau RM118.4 bilion. Import "lumpy" terdiri daripada kapal, bot dan struktur terapung dan pesawat dan kelengkapan berkaitan dan alat ganti berjumlah RM5.8 bilion.

Bagi enam bulan pertama tahun ini, defisit dagangan Malaysia meluas kepada RM2.7 bilion berbanding defisit sebanyak RM687.8 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu. Pada Jun sahaja, defisit berjumlah RM2.8 bilion berbanding lebih sebanyak RM156.2 juta pada Mei.

Defisit pada Jun disebabkan oleh pembelian kapal dan kapal tangki, termasuk pengangkut gas asli cecair dan perdagangan, pesawat disatukan berjumlah RM2.2 bilion atau 11.4 peratus daripada jumlah import.

Import yang bertambah pada kelengkapan pengangkutan (terutamanya pesawat dan kapal dan kapal tangki termasuk aksesori) dan kelengkapan memproses data pejabat masing-masing sebanyak RM1.4 bilion dan RM1.1 bilion, sebahagian besarnya menyumbang kepada defisit dagangan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 1996, import barangan modal meningkat sebanyak RM3.5 bilion (19.9 peratus) manakala import barangan perantaraan dan pengguna bertambah masing-masing sebanyak RM0.7 bilion (naik 1.2 peratus) dan RM0.3 bilion (naik 4.7 peratus).

Import "lumpy" dalam tempoh separuh pertama tahun ini bernilai RM4.9 bilion berbanding RM3.8 bilion pada 1996.

Bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini, import bernilai RM81.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, barangan perantaraan menyumbang sebanyak RM54 bilion atau 66 peratus, manakala barangan modal menyumbang sejumlah RM15.8 bilion atau 19.3 peratus.

Bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini, import jatuh 0.3 peratus atau RM175.8 juta kepada RM64.7 bilion daripada RM64.9 bilion pada tempoh suku pertama tahun lalu, dengan jentera dan kelengkapan pengangkutan menyumbang sebanyak RM38.1 bilion atau 58.9 peratus daripada jumlah nilai import.

Import "lumpy" dalam tempoh berkenaan berjumlah RM2 bilion daripada RM2.7 bilion sebelumnya, yang merupakan kemerosotan ketara sebanyak 23 peratus atau RM611.3 juta daripada tempoh Januari hingga April 1996.

Bagi tempoh Januari hingga Mac tahun ini, import jentera dan kelengkapan pengangkutan mewakili 58.4 peratus atau RM27.4 bilion daripada jumlah import dengan import "lumpy" berjumlah RM1.12 bilion.

Bagi tempoh dua bulan pertama tahun ini, daripada nilai import berjumlah RM30.010 bilion, import "lumpy" berjumlah RM750.6 juta, kejatuhan 45.9 peratus atau RM636 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Pada Januari tahun ini, daripada nilai import sebanyak RM16.9 bilion, sebanyak 58.1 peratus terdiri daripada jentera dan kelengkapan pengangkutan. Di bawah jentera dan kelengkapan pengangkutan, peningkatan pada import komponen utama dilihat bagi pesawat dan kelengkapan berkaitan dan alat ganti (RM199.0 juta atau 90.6 peratus). -- BERNAMA

SS MA/sia